

# Kecemerlangan bermula dengan anda

Oleh KHAIROL ANUAR MASUAN

U.M. 11/5/11 14.3.07

TAHNIAH kepada semua pelajar yang telah berjaya mendapat keputusan yang cemerlang. Pada merekalah yang kita akan sandarkan untuk menjadi pemacu modal insan yang akan datang. Usaha yang mereka curahkan nampaknya telah memberikan hasil.

Namun perjalanan mereka masih terlalu jauh. Oleh itu di samping mereka ini diraikan, pada masa yang sama kita mesti mendoakan mereka agar terus maju.

Jika dilihat harapan mereka untuk berjaya memang tinggi. Namun setinggi-tinggi harapan mereka tinggi lagi harapan sekolah. Setinggi-tinggi harapan sekolah tinggi lagi harapan masyarakat. Dan setinggi-tinggi harapan masyarakat tinggi lagi harapan negara.

Namun setinggi mana harapan negara - tinggi lagi harapan guru-guru dan kedua ibu-bapa mereka. Apa-apa hal pengaruh kedua-dua kelompok insan ini sangat besar kepada pelajar tadi.

Anak-anak inilah yang akan bertanggungjawab mencorakkan negara kita. Cuma mereka kalau tidak setanding kita mungkin lebih bagus. Tetapi barang diingat bahawa kita mesti pastikan di kaca mata mereka kita ini adalah lebih hebat.

Ini boleh dicapai dengan membuat perbandingan bahawa kejayaan yang dikecapi oleh generasi muda ini didorong oleh pelbagai kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan. Begitu juga dengan segala bentuk ilmu pengetahuan dan bacaan yang berselerakan berbanding zaman kita dahulu.

Selain itu pula penulis juga ingin mengatakan kepada mereka yang kurang berjaya sebenarnya masih banyak lagi peluang tersedia di hadapan sana. Jika kita mempunyai jurutera yang bagus kita juga perlukan juruteknik yang bagus. Jika kita perlu pakar bedah, kita juga perlukan jururawat. Jadi kepada anda ada banyak peluang yang boleh digali.

# Pencapaian

---

Tidak hairanlah jika mungkin anda dianggap kurang berjaya tetapi nantinya anda akan lebih berjaya menerusi peluang-peluang ini. Penulis ada menemui pelajar yang dahulu dianggap kurang pencapaiannya di segi akademik tetapi menjadi usahawan yang bergelar jutawan. Ini mungkin kerana mereka mempunyai kecerdikan lain yang sekarang ini masih dikaji oleh sebilangan ahli psikologi.

Ahli psikologi mengkategorikan kelebihan ini sebagai *street smart* dan mungkin juga ada terdengar ungkapan *your will not get it in Harvard*. Cuba selidiki pula siapa Bill Gates yang pernah tercicir pengajian di Harvard.

Namun apa yang membezakan Bill Gates ialah beliau sebenarnya anak orang kaya yang masih berpeluang untuk terus kekal dalam sistem pendidikan. Namun jika diselidiki betul-betul ramai orang yang berjaya tidak kiralah dari segi akademik atau *street smart* berasal daripada golongan yang sederhana atau tidak mempunya. Ini kerana mereka berupaya untuk kekal di dalam sistem pendidikan dengan dorongan ibu-bapa dan guru-guru.

Cuba bayangkan jika anda berjaya hari ini kepada siapakah kejayaan itu akan anda kongsi? Tentu jawapannya ibu bapa dan guru 'kesayangan' anda. Begitu juga jika anda kurang berjaya. Pastiya kedua-dua kelompok insan ini akan memberikan dorongan untuk anda lebih berjaya dalam bidang lain.

Cumanya anda perlu berada di dalam sistem yang betul dan bukannya memerah tuas minyak motosikal kerana kononnya untuk menunjuk perasaan. Jika anda bertindak begitu maknanya anda telah tewas sebelum berjuang.